

11 SEP 1996

## PM TEGUR BANK KERANA TIDAK AMBIL RISIKO

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menegur bank-bank di Malaysia yang, sambil membuat keuntungan, enggan mengambil risiko untuk menyokong para usahawan tempatan melaksanakan industri-industri berintensif modal.

"...pengusaha-pengusaha bank yang mahu sentiasa pasti, yang tidak akan mengambil risiko sama sekali, akan menjadi peminjam wang atau ceti tulen," katanya di dalam ucapan pada jamuan makan malam tahunan institusi-institusi kewangan ke-17 di sini malam ini.

Beliau menambah kata bahawa sambil para pekerja Malaysia mempunyai potensi untuk memperolehi kemahiran untuk memudahkan perubahan negara kepada industri-industri berteknologi tinggi dan berintensif modal, bank-bank haruslah tampil untuk menyokong peralihan itu.

Langkah itu adalah penting dalam usaha mengurangkan input buruh dan meningkatkan keluaran-keluaran nilai ditambah dan juga membantu memulihkan defisit imbalan pembayaran dan mengekalkan kadar pertumbuhan negara yang tinggi.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia telah memainkan peranan dalam memakmurkan negara tetapi mereka tidak boleh dianggap sebagai pemangkin.

Katanya: "Bukanlah hendak masuk bakul angkat sendiri, tetapi saya suka memperakukan bahawa dasar dan usaha kerajaanlah yang menyumbang paling banyak kepada pencapaian ekonomi sekarang di Malaysia.

"Kita tidak boleh mengharapkan bank-bank untuk mengambil semua risiko tetapi kita boleh mengharapkan secara wajar agar mereka berkongsi risiko dengan pelabur dan kerajaan."

Bagi tujuan ini, beliau menyeru pengusaha-pengusaha bank Malaysia supaya mengubah pemikiran mereka.

Katanya: "Barangkali, tidak sanggup mengambil risiko adalah perbankan yang berhemat... barangkali, itulah sebabnya mengapa bank-bank Malaysia mempamerkan keuntungan yang amat baik, tetapi jika ekonomi Malaysia tidak begitu baik, hemat semata-mata tidak akan membantu asas ekonomi.

"Adalah bagi kepentingan masyarakat perbankan untuk membantu ekonomi menjadi makmur dan akhirnya meraih pulangan yang besar daripadanya.

Katanya bank-bank "dengan yakin memberi pinjaman dengan menutup mata" kepada pelabur-pelabur langsung asing yang, malangnya, tidak menyumbang begitu banyak kepada ekonomi dan pecahan imbalan pembayaran seperti pelaburan oleh pelabur-pelabur tempatan.

"...untuk mendapat faedah sebenar daripada pengindustrian kita, kita perlu mempunyai lebih banyak usahawan tempatan menceburi pembuatan untuk eksport," tambahnya.

"Kita tidak boleh berjaya sekiranya kita segan dan tidak sanggup mengambil risiko yang besar. Sementara mungkin terdapat para usahawan tempatan yang sanggup mengambil risiko, adakah pengusaha-pengusaha bank untuk berkongsi risikonya?... pastinya jika pengusaha-pengusaha bank tidak mahu, maka salah satu strategi yang paling kuat untuk mengatasi imbalan pembayaran akan gagal.

"Bank-bank Malaysia tidak boleh selamanya menjadi pak turut... masanya telah sampai bagi mereka menjadi peneraju," katanya sambil menggesa mereka belajar daripada Jepun mengambil ekuiti di dalam usaha perindustrian.

"Setahu sayalah, bank-bank Malaysia tidak mengambil ekuiti di dalam projek-projek perniagaan, apa lagi di dalam syarikat-syarikat," tambahnya.

Beliau juga berkata bank-bank patutlah menyokong syarikat-syarikat

tempatan menerokai seberang laut sejajar dengan seruan kerakaan agar ia boleh mengujudkan pasaran-pasaran baru bagi keluaran-keluaran Malaysia.

Strategi membekalkan wang bagi industri-industri berintensif modal memerlukan orientasi semula yang sepenuhnya di pihak pengushaa-pengusaha bank yang tidak dapat dielakkan sekiranya Malaysia mahu meneruskna arah pertumbuhan tingginya dan juga kelebihan perbandingannya, tambah beliau.

Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa defisit di dalam imbalan pembayaran tidak semestinya disebabkan oleh pertumbuhan yang tinggi, bukan kerana inflasi yang mengiringi pertumbuhan tinggi.

"Jika kita menekan inflasi dan meningkatkan produktiviti dan, akibatnya, pertumbuhan eksport, kita boleh menyekat defisit di dalam imbalan pembayaran," katanya.

Beralih kepada upah, Dr Mahathir berkata bukanlah dasar kerajaan menetapkan upah setiap masa seperti harga barangan keperluan... ia mahu upah naik supaya taraf hidup pekerja biasa sekalipun boleh meningkat.

"Tetapi peningkatan upah hendaklah berkaitan dengan produktiviti, iaitu, mengeluarkan lebih banyak pada kos unit yang sama atau menghasilkan keluaran-keluaran dengan nilai lebih tinggi," tambahnya.

Ini memerlukan pelaburan di dalam teknologi-teknologi baru, satu tanggung jawab yang harus dikongsi oleh bank-bank, katanya. -- BERNAMA

MR OS/sia